



Latihan Kendiri 2.1

Bahagian A

Jawab semua soalan di bawah. Pilih jawapan yang paling tepat.

1. Istilah tamadun berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud
 - A. kehalusan budi bahasa
 - B. kehalusan kesenian
 - C. kehalusan moral
 - D. kehalusan etika

2. Secara ringkasnya, tamadun boleh dilihat sebagai pencapaian
 - A. budaya tinggi dari segi politik, ekonomi dan sosial
 - B. kehalusan budi pekerti
 - C. pencapaian tinggi dalam semua bidang kehidupan
 - D. budaya lemah lembut

3. Salah satu elemen terpenting pembentukan tamadun ialah
 - A. mempunyai keluarga tersusun
 - B. mempunyai sistem tulisan dan bahasa
 - C. mempunyai pekerjaan dan gaji
 - D. mempunyai kelebihan makanan

4. Antara masalah utama keruntuhan tamadun ialah
 - A. sikap tertutup dan nilai moral
 - B. masalah undang-undang
 - C. masalah pertanian
 - D. masalah cukai pendapatan

Bahagian B

Isi tempat kosong dengan jawapan yang tepat.

Sila jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan kefahaman anda.
Cuba jawab sendiri sebelum anda merujuk rangka jawapan.

1. Sebutkan dua contoh interaksi positif antara tamadun Islam dengan tamadun lain.

a. _____

b. _____

2. *Sesungguhnya Allah suka apabila seseorang itu membuat sesuatu perkara dia melakukan dengan tekun (memperbaiki dan mempertingkatkan).*

(HR. al-Baihaqi)

Berdasarkan petikan hadis di atas, berikan dua sebab mengapa Allah s.w.t. suka akan orang yang rajin dalam usahanya.

a. _____

b. _____

3. Cuba renungkan alam semesta seperti matahari dan bulan dan nyatakan dua mesej penting yang anda perolehi yang dapat mengukuhkan ketauhidan anda (kebesaran Allah s.w.t.).

a. _____

b. _____

4. Bincangkan keistimewaan al-Qur'an dan al-Hadith sebagai sumber rujukan utama Tamadun Islam.

a. _____

b. _____

c. _____

d. _____

Bahagian C

Pilih jawapan yang sesuai untuk kenyataan-kenyataan berikut.

al-Kindi al-Biruni al-Majusi Ibnu Sina al-Razi

1. Mencipta jadual Toledo. _____

2. Seorang sarjana yang hebat dalam bidang aritmetik, logik, geometri dan muzik. _____

3. Pengasas perubatan psikomatik.

4. Bapa farmakologi.

5. Beliau pengarang buku al-Qanun fil al-Tibb
(Peraturan Perubatan)
